

# Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2019



## CABARAN BARU INDUSTRI SUKUK

Abdul Ghani Bin Endut

# Kandungan

- Latarbelakang
- Cabaran penstrukturan produk
- Cabaran digitalisasi dan *FinTech*
- Cabaran pengawalseliaan dan penzahiran
- Kesimpulan

# Latarbelakang

- Industri Sukuk telah berkembang pesat dengan inovasi produk yang memberangsangkan. Pelbagai jenis sukuk telah diperkenalkan di dalam pasaran dalam tempoh lebih 30 tahun Sukuk diperkenalkan.
- Secara umumnya, hampir semua bon konvensional boleh distrukturkan sebagai produk sukuk.
- Walaubagaimanapun, masih banyak ruang untuk penambahbaikan samada disegi penstrukturan produk, penggunaan teknologi, serta kawalselia dan penzahiran yang lebih mantap.

1

# Kesan Replikasi dan Imitasi daripada Produk Konvensyenal

- Kewujudan produk-produk “Malaysia boleh” yang **tidak memenuhi standard antarabangsa** seperti standard Syariah AAOIFI.
- Kewujudan produk-produk yang **mensasarkan pelabur-pelabur tertentu** sahaja.
- Struktur produk menjadi **kompliked** dan sukar untuk difahami, lebih mahal dan susah untuk distrukturkan. Kadang-kadang ianya memerlukan kombinasi pelbagai kontrak Syariah.
- Kadar keuntungan (**pricing**) **tidak menggambarkan prestasi sebenar** asset pendasar atau bisnes pendasar.
- **Asas penarafan** oleh agensi-agensi penarafan tidak berdasarkan faktor sebenar (real factors).

1

# Kesan Replikasi dan Imitasi daripada Produk Konvensyenal

- Produk Sukuk berasaskan **Struktur Mudharabah dan Musyarakah** yang masih bersifat **memberi pulangan tetap**.
  - Walaupun banyak produk sukuk yang menggunakan kontrak pendasar Mudharabah atau Musyarakah, namun ianya tidak menggambarkan hakikat sebenar kontrak-kontrak tersebut kerana masih dalam lingkungan pulangan tetap yang direkayasa berdasarkan konsep-konsep seperti tanazul, insentif, waad dan lain-lain.
  - Terdapat juga struktur-struktur sukuk yang dicipta untuk mengharuskan pembiayaan untuk pembelian saham yang tidak patuh Syariah menggunakan kaedah-kaedah tertentu dan ianya masih dianggap mematuhi kehendak-kehendak Syariah walaupun ianya tidak memenuhi penggunaan dana secara islamik.

# Cabaran Digitalisasi dan *FinTech*

- Industri Sukuk perlu **menerimapakai teknologi digital dan *FinTech*** selari dengan perkembangan industry kewangan dan perbankan Islam.
- *FinTech* dan teknologi *Blockchain* boleh memberi penambahbaikan kepada industri Sukuk dalam perkara-perkara berikut:
  - Menambah baik ketelusan produk (*Product transparency*).
  - Menambah baik kebolehesanan aset pendasar dalam penstrukturan Sukuk.
  - Penjimatan kos.
  - Memudahkan penasihat Syariah memastikan aset pendasar Sukuk mematuhi kehendak Syariah.
  - Mengurangkan kadar risiko kesilapan dan campur tangan manusia.

## Cabaran pengawalseliaan dan penzahiran

- Masih terdapat negara yang belum mempunyai kerangka kawalselia dan pengzahiran yang mencukupi.
- Perbezaan kerangka kawalselia dan infrastruktur antara negara-negara yang menyukarkan transaksi merentas sempadan.
- Kerangka kawalselia dan penzahiran yang diasaskan seratus peratus berdasarkan kerangka konvensional.

# Kesimpulan

- Industri Sukuk perlu terus berkembang maju.
- Inovasi produk perlu dipergiatkan bagi mambangunkan produk-produk Sukuk yang lebih inovatif demi memenuhi Maqasid Syariah dan permintaan para pelabur yang mempunyai pelbagai selera risiko (*risk appetite*) tanpa menafikan kepentingan produk-produk Sukuk yang sediaada di pasaran.
- Produk-produk Sukuk yang memenuhi kriteria konsep risiko dan ganjaran (*risk and reward*) yang berasaskan perkongsian untung rugi, sesuai dengan konsep Syariah yang digunapakai perlu dibangunkan.
- Pengeluaran Sukuk yang memenuhi kriteria *Value Based Intermediation* (VBI) dan *Green Sukuk* perlu diperhebatkan dan diperbanyakkan. Insentif-insentif tertentu seperti insentif cukai perlu diberikan.